

Kenaikan mendadak beri kesan buruk kepada sektor pembinaan

Pengeluar tak naik harga simen

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

PUTRAJAYA – Pengeluar simen di negara ini bersejua untuk mengemukakan harga meskipun terdapat cadangan untuk menaikkan harga barangan kawalan itu baru-baru ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, keputusan itu dibuat selepas pihak Kementerian mengadakan pertemuan dengan pengeluar simen kelmarin.

Jelasnya, melalui pertemuan itu, mereka perlu mengadakan rundingan terlebih dahulu dengan pihak KPDNHEP kerana simen merupakan barangan kawalan di negara ini.

“Mereka ada menyatakan beberapa alasan untuk menaikkan harga simen ekoran peningkatan kos serta terdapat 90 peratus barangan yang digunakan terpaksa diimport seperti *clinker* (batu hangus) dan hanya 10 peratus barangan iaitu batu

kapur dari dalam negara.

“Bagaimanapun, mereka bersejua untuk tidak menaikkan harga simen dan, jika pemain industri berbuat demikian, mereka melanggar Akta Kawalan Bekalan 1961,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan di sini semalam.

Baru-baru ini, Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP dijangka mengeluarkan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 kepada 19 buah kilang pengeluar simen seluruh negara dengan segera.

Notis itu dikeluarkan untuk mendapatkan penjelasan daripada syarikat-syarikat yang terlibat berkenaan punca kenaikan harga simen.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng turut berkata, beliau menerima aduan daripada beberapa syarikat pematua mengenai kenaikan mendadak harga simen yang bimbang akan mem-



SAIFUDDIN NASUTION (dua dari kiri) menunjukkan aplikasi kod SIRIM QAS pada Majlis Pelancaran Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan 2019 di Putrajaya semalam.

Saifuddin, menerusi pertemuannya dengan pengeluar simen, pihaknya juga menearangkan bahawa pihak kerajaan menyasarankan untuk membina satu juta rumah mampu milik.

“Sekiranya bahan utama untuk membuat rumah naik, ia sudah pasti memberi kesan kepada pembinaan rumah mampu milik. Jadi, mereka (pengeluar simen) perlu mendengar nasihat kita.

“Pada akhir perbincangan, mereka bersetuju untuk tidak menaikkan harga simen,” katanya.

Pada majlis yang sama, Saifuddin Nasution berkata, KPDNHEP akan menguatkuasakan Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan kepada pihak industri produk filem bermula 1 Julai tahun depan.

Setakat ini, pihak industri diminta untuk mematuhi garis panduan pematuhan standard filem penghadang haba kenderaan secara sukarela bermula semalam.

Sabah dan Sarawak.

Difahamkan, pengeluar simen sebelum ini memohon untuk menaikkan harga barangan itu sebanyak 40 peratus daripada harga asal.

Dalam pada itu, menurut